

05 DEC 1997

Mahathir-Rangka Tindakan

RANGKA TINDAKAN AEROANGKASA MALAYSIA DILANCARKAN

LANGKAWI, 5 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan rangka tindakan bagi pembangunan industri aeroangkasa Malaysia yang selama ini ditunggu-tunggu untuk menjadikan industri aeroangkasa negara sebuah industri yang berdaya saing dan diiktiraf secara global.

Dengan menjadikan Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi (LIMA) keempat yang berlangsung di sini sebagai landas pelancaran bagi rangka tindakan itu, beliau turut mengumumkan antara lain pembentukan jawatankuasa peringkat tinggi yang diketuai beliau sendiri dan peningkatan taraf Jabatan Penerbangan Awam bagi memperkukuhkan industri berkenaan.

Beliau berkata Agensi bagi Pentadbiran Angkasa Malaysia akan juga ditubuhkan selaras dengan penglibatan Malaysia dalam sektor angkasa.

Sambil menegaskan bahawa industri aeroangkasa tidak mampu untuk menjadi terlalu pelbagai dan berpecah, adalah penting bagi industri itu menjadikan wawasan negara sebagai teras dan menghadapi tugas membangunkan aeroangkasa berasaskan penyatuan.

"Ini akan menyediakan rangka kerja kebangsaan yang konsisten bagi mengenalpasti dan menilai usaha-usaha penting untuk dimajukan," katanya semasa melancarkan rangka tindakan itu yang telah dicadangkannya semasa LIMA '95 di sini.

Dr Mahathir berkata sebagai permulaan, rangka tindakan itu, yang disiapkan tahun lepas dan dipersetujui kabinet September lalu mencadangkan sebuah jawatankuasa pemandu peringkat kebangsaan untuk menyelia pembangunan industri aeroangkasa.

Jawatankuasa itu dalam bentuk sebuah majlis aeroangkasa kebangsaan, akan membuat keputusan-keputusan penting dalam bidang arahan, keutamaan dan strategi bagi industri berkenaan, katanya.

Perdana Menteri berkata majlis itu akan mengamalkan prinsip "perkongsian pintar" dengan penyertaan pemimpin-pemimpin sektor awam dan swasta.

Katanya MIGHT Interest Group (MIG) in Aerospace, pasukan penyelidik yang dibentuk untuk mengkaji penggubalan rangka tindakan itu telah meminta Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri menjadi masing-masing pengerusi dan timbalan pengerusi majlis itu.

Ini, katanya, akan ditimbang kerajaan.

Dr Mahathir berkata sebagai tambahan kepada majlis itu, kerajaan menyokong idea bagi sebuah badan penyelaras aeroangkasa kebangsaan untuk bertindak sebagai pusat rujukan bagi pelbagai kegiatan dan pelaburan aeroangkasa.

Badan baru itu akan menyatukan usaha-usaha kebangsaan kini dalam sektor aeroangkasa dan akan terus mempelopori penglibatan Malaysia dalam industri itu.

"Ia akan menjadi pusat rujukan bagi pengurusan program-program pengimbangan dan bertindak sebagai perantara bagi kepentingan tempatan dan asing dalam industri itu," katanya.

Dr Mahathir berkata dengan mengambil kira pengembangan industri itu ke dalam bidang kegiatan aeroangkasa yang baru dan belum diterokai, DCA perlu ditingkatkan tarafnya.

Cadangan Lembaga Penerbangan Awam itu akan menyediakan industri berkenaan dengan fungsi pengawasan serta kawalselia dalam bidang-bidang kelayakan penerbangan, kawalan trafik udara dan produk/perkhidmatan

aeroangkasa.

Perdana Menteri juga mengumumkan pelaksanaan program pembangunan sumber manusia bagi memastikan kuantiti, kemahiran dan kos kakitangan adalah mencukupi dan berdaya saing.

Katanya ia akan mengambil kira pelbagai kategori buruh yang diperlukan dalam industri aeroangkasa seperti pembuat peralatan, jurutera pesawat, penguji juruterbang, penganalisis sistem dan sebagainya.

Untuk itu, menurut Perdana Menteri, Malaysia berharap untuk menubuhkan pusat pendidikan perdana aeroangkasa bagi memenuhi keperluan tempatan dan serantau dalam pendidikan dan latihan.

"Industri aeroangkasa menempatkan teknologi teras yang paling kompleks yang boleh digunakan oleh industri lain dan menyediakan teknologi-teknologi kritikal bagi masa depan.

"Ia menyediakan pintu masuk pemerolehan teknologi dan oleh itu adalah penting supaya teknologi-teknologi ini didapatkan melalui pemerolehan dan imbalan yang akan membantu negara mendapatkan akses kepada satu pasaran asing dan merealisasikan sepenuhnya kelebihan daya saing negara," katanya.

Mengenai MASA (Agensi bagi Pentadbiran Angkasa Malaysia), Dr Mahathir berkata ia akan memastikan kecekapan pengurusan usahaniaga angkasa negara yang termasuk pembangunan program satelit kebangsaan, yang boleh membantu membangunkan keupayaan perindustrian dan teknologi dalam bidang itu.

Perdana Menteri berkata bagi kejayaan pelaksanaan program-program penting itu, industri berkenaan harus disokong sama oleh dasar-dasar yang rasional dan meningkat.

"Satu dasar pemerolehan kebangsaan yang memberi penekanan kepada produk/perkhidmatan tempatan akan memastikan satu pembangunan ekonomi mapan dan mengurangkan import serta pengaliran keluar wang," katanya sambil menegaskan bahawa dasar itu adalah penting dalam pemerolehan peralatan tentera, penswastan projek-projek, program imbalan dan sebagainya.

Dr Mahathir berkata tumpuan cadangan-cadangan dalam rangka tindakan itu ialah terhadap kerajaan kerana ia membentuk rangka kerja perundangan dan dasar.

"Bagaimanapun kejayaan industri itu adalah menjadi tanggungjawab yang melangkaui kerajaan. Tindakan dan penyertaan diperlukan daripada semua pemegang saham.

"Jika kita boleh mencapai kesemua yang digariskan dalam rangka tindakan ini, Malaysia akan mempunyai sebuah industri aeroangkasa yang berdaya saing secara global dan diiktiraf secara meluas seperti yang telah dicapai oleh industri elektronik dan automatik kita," katanya. -- BERNAMA

ES RON